

06 OCT 1998

Fadzil-ISA

HAPUSKAN ISA BAKAL JADI MANIFESTO PILIHAN RAYA PAS

KOTA BAHARU, 6 Okt (Bernama) -- Pas bercadang untuk menjadikan usaha menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebagai sebahagian daripada manifesto parti itu pada pilihan raya umum akan datang, kata Presidennya Datuk Fadzil Noor.

Katanya, Pas menyifatkan penggunaan ISA untuk menahan seseorang tanpa dibicarakan sebagai bercanggah dengan prinsip keadilan Islam dan keadilan sejagat.

"Kerajaan menggunakan ISA untuk menahan seberapa banyak rakyat pada bulan lepas, jadi fokus kita ialah kepada ketidakadilan kerajaan menggunakan ISA secara berleluasa termasuk untuk menakutkan mereka (rakyat)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Harian Pas Pusat dan Pas negeri di sini, hari ini.

Seramai 17 orang termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, ditahan di bawah ISA sejak 20 Sept lepas kerana didakwa terbabit mencetuskan keadaan tidak tenteram dalam negara. Sehingga ini enam termasuk Anwar masih ditahan di bawah akta itu manakala yang lain dibebaskan secara berperingkat.

Fadzil berkata bagi sebuah negara yang mengamalkan dasar demokrasi, seseorang itu tidak boleh dihukum sebelum dibicarakan di mahkamah untuk menentukan samada individu itu bersalah.

Sehubungan itu beliau meminta supaya mereka yang masih ditahan di bawah ISA dibebaskan atau dihadapkan ke mahkamah.

Selain itu, Fadzil yang juga Pengerusi Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) berkata majlis itu merancang mengadakan perhimpunan besar-besaran di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada 17 Okt ini.

Katanya permohonan itu akan dibuat kepada pihak stadium dan polis, mengikut prosedur yang ditetapkan.

"Kita berharap polis dan pihak stadium akan meluluskan permohonan itu, kalau keizinan boleh diberikan kepada Umno dan Barisan Nasional, kenapa tidak boleh diberikan kepada kita," katanya.

Beliau berharap pihak berkuasa tidak mengamalkan sikap pilih kasih kerana Gerak turut dianggotai oleh parti-parti politik dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang sah.

Pergerakan Pemuda Barisan Nasional akan menganjurkan perhimpunan perdana di Stadium Nasional, Bukit Jalil, Sabtu ini, yang kehadirannya dibuka kepada semua anggota parti komponen BN dan NGO, bagi menyatakan taat setia kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Fadzil juga menafikan Pas mencampuri urusan dalam Umno berhubung pemecatan Anwar daripada kabinet dan parti melalui kenyataan yang dibuat oleh beberapa pemimpinnya.

"Kita tidak kacau rumah tangga Umno.... tetapi fokus kita kepada ketidakadilan kerajaan menggunakan ISA secara berleluasa untuk menakutkan rakyat," katanya.

--BERNAMA

BD WAT